

Usah sampai berpecah: Mahathir

BH 14 AUG 1993 (P)

Oleh Othman Mamat dan Ahmad Zaini Kamaruzzaman

ALOR STAR, Jumaat — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menasihatkan ahli Umno supaya memastikan sebarang perhimpunan parti tidak memecahbelahkan perpaduan.

Presiden Umno itu berkata, walaupun beliau tiada hak untuk membenar atau melarang perhimpunan membabitkan parti, perhimpunan yang dianjurkan diharap tidak menimbulkan perpecahan.

"Saya tidak ada hak untuk membenarkan perhimpunan dan jika ada janganlah sampai berpecah belah," katanya mengulas satu majlis dinamakan 'Perhimpunan Menyelamatkan Umno' yang dijadual di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur, malam esok.

Ditanya sama ada beliau bersetuju dengan perhimpunan itu, beliau berkata: "Saya tidak mahu membuat ulasan mengenai sebarang kegiatan yang membabitkan pemilihan pucuk pimpinan parti November ini.

"Saya sudah menyatakan pendirian saya dan terpulang kepada mereka

untuk mengadakan perhimpunan," katanya.

Mengenai faktor umur yang menjadi salah satu isu kempen pemilihan Umno, Perdana Menteri berkata ia terpulang kepada ahli Umno untuk membuat pilihan sama ada mahu pemimpin muda atau sebaliknya.

"Saya tak mahu komen kerana saya pun tua juga," katanya.

Ketika diminta mengulas mengenai tarikh pilihan raya yang disebut dalam ucapannya di majlis Perjumpaan Rakyat di Dewan Jitra pagi ini, Perdana Menteri berkata Pas dan Semangat 46 perlu bersedia menghadapi pilihan raya yang akan diadakan tidak lama lagi.

"Pas dan Semangat 46 patut bersiap sedia untuk pilihan raya. Kedua-dua parti itu takut dan tidak berani menghadapi pilihan raya," katanya.

Berucap di majlis itu, Dr Mahathir berkata: "Tolong sampaikan kepada orang Pas, kita nak adakan pilihan raya tak lama lagi, dua tiga bulan lagi. Siaplah orang Pas."

Menurut Perdana Menteri, Pas menabur pelbagai janji ketika berkem-

pen tetapi tidak dapat melaksanakannya dan hanya mengambil sikap 'tidak mengapa' apabila dikritik kerana gagal membawa pembangunan ke Kelantan.

"Sampai bila nak tunggu dan ambil sikap tak mengapa," katanya.

Mengenai lawatan singkatnya ke Pusat Peranginan Empangan Pedu di Padang Terap, beliau berkata pusat pelancongan itu akan menjadi tarikan ramai kerana ia dilengkapi padang golf dan tasik yang indah.

Beliau berkata, 100 daripada 200 bilik chalet dan sembilan daripada 18 lubang golf di pusat pelancongan itu, dijangka siap dibina Disember ini.

"Sebahagian jalan masuk ke pusat peranginan itu sudah disiapkan, manakala tunggul kayu di tengah tasik sedang dicabut. Apabila siap, kawasan itu akan menjadi tarikan pelancong," katanya.

Dr Mahathir meminta pemaju projek itu memasang penanda di tempat tertentu di tengah tasik itu bagi membolehkan pelancong yang bersiar dengan bot, bergerak bebas.